

Kekalkan kelestarian alam berdasarkan fitrah kejadian

Rosmidzatul
Azila
Mat Yamin

Felo Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Hari Alam Sekitar Sedunia yang disambut saban tahun antara usaha berterusan bagi memastikan tahap keprihatinan dan kesedaran alam sekitar dalam kalangan masyarakat dapat disuburkan agar masa depan dan kelestarian alam sekitar mampu dipertahankan.

Pelbagai tema dipilih saban tahun bertujuan menyuntik kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai pentingnya mengekalkan kelangsungan kepelbagaian komponen hidupan yang wujud di dalam alam sekitar untuk keseimbangan planet bumi.

Tema pada tahun ini dilihat bertepatan dengan situasi semasa biodiversiti di seluruh dunia yang kian meruncing dan dihimpit ancaman kepupusan lantaran masalah pencemaran yang berleluasa, pemanasan global, peneualan berlebihan dan pengurusan yang tidak cekap sehingga menyebabkan kedudukan biodiversiti berada pada tahap yang begitu membimbangkan.

Menurut pendedahan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam laporan *Global Assessment Report on Biodiversity and Ecosystem Services* dianggarkan kira-kira sejuta spesies tumbuh-tumbuhan dan haiwan menghadapi ancaman kepupusan sekiranya manusia tidak bertindak dan mengambil langkah proaktif bermula sekarang untuk melindunginya, sekali gus menyelamatkan spesies biodiversiti yang masih lagi wujud pada hari ini.

Daripada laporan yang dikeluarkan juga turut mendedahkan bahawa ancaman kepupusan ke atas biodiversiti pada hari ini berlaku pada kadar yang paling pantas dalam sejarah, yakni mencecah ratusan kali ganda berbanding kadar yang dicatatkan pada abad sebelum ini.

Lebih menyedihkan apabila turut didedahkan bahawa lebih 500,000 spesies tidak mempunyai habitat yang mencukupi untuk kemandirian hidup dalam jangka masa yang panjang.

Hal ini berlaku lantaran pelbagai aktiviti tidak sihat manusia, terutama penebusgunaan ekosistem hutan untuk pelbagai tujuan seperti pembangunan, pertanian dan sektor perladangan, sehingga menghakis sedikit demi sedikit



Plastik yang dibuang dan hanyut ke laut memberikan kesan buruk kepada ekosistem hidupan marin, sekali gus mengancam nyawa manusia. (Foto hiasan)

habitat dan ekosistem semula jadi.

La akhirnya mengancam kelestarian biodiversiti, sekali gus menggugat kebajikan dan keselamatan manusia sejagat.

Umpamanya, kemusnahan ekosistem dan biodiversiti di kawasan tropika seperti Asia Tenggara kebanyakannya berlaku akibat kehilangan kira-kira 7.5 juta hektar tanah hutan dan 80 peratus daripadanya adalah ditebus guna untuk memberi laluan kepada sektor perladangan sawit.

Sekiranya situasi ini dibiarkan berlanjutan, ia pasti akan mengundang ancaman kepupusan kepada lebih banyak lagi spesies biodiversiti yang selama ini banyak memberi manfaat dan menjadi tonggak kelangsungan hidup manusia serta makhluk hidupan lain.

Selain itu, pencemaran plastik juga menjadi antara penyumbang utama kepada ancaman serta kemerosotan spesies biodiversiti dan alam sekitar pada hari ini. Buktinya, saban hari kita masih disajikan dengan berita mengenai kematian haiwan terutama hidupan marin akibat pencemaran plastik yang berlaku ke atas ekosistem marin.

Hal ini bukanlah sesuatu yang pelik jika dilihat kepada situasi pencemaran laut yang begitu kritikal pada hari ini.

Jika diimbak kembali, pencemaran plastik bukanlah sesuatu yang baharu. Malah, didapati kadar pencemaran plastik meningkat 10 kali ganda sejak 1980.

Sebanyak 300 hingga 400 juta tan bahan seperti logam berat, pelarut, bahan toksik dan bahan buangan lain yang terhasil daripada sektor perindustrian juga

dibuang ke laut.

Satu kajian mendapati bahawa sebanyak 10 peratus daripada semua plastik yang dikeluarkan di seluruh dunia berakhir di lautan dan kemudian membentuk 'pulau sampah' di tengah Lautan Pasifik. Jadi, bayangkan bagaimana hidupan marin boleh terus bertahan sekiranya ancaman pencemaran plastik ke atas ekosistem marin tidak dibendung dengan kadar segera.

Pencemaran plastik ke atas ekosistem marin bukan sahaja memberi kesan buruk kepada biodiversiti marin, sebaliknya turut memberi kesan kepada kesihatan manusia sebagai pemangsa tunggal kepada sumber makanannya.

Ini memandangkan, plastik yang terurai di dalam laut akan menjadi mikroplastik dan nanoplastik. Apabila haiwan laut memakan plankton atau rumpai laut yang dicemari kedua-dua bahan ini, maka ia akan terkumpul dalam badan haiwan berkenaan kerana tidak mampu menghadamnya.

Pengumpulan mikroplastik dan nanoplastik ini dalam jumlah yang banyak akan menyebabkan kehidupan haiwan laut terganggu dan boleh mengakibatkan kematian jika kandungannya terlalu tinggi dalam badan haiwan berkenaan.

Begitu juga dengan manusia yang memakan sumber laut yang dicemari oleh mikroplastik dan nanoplastik. Mereka juga akan menerima kesan yang hampir sama seperti haiwan laut berkenaan.

Malah, lebih mengusarkan apabila kehadiran bahan berkenaan tidak boleh dirasai oleh ma-

nusia kerana mikroplastik dan nanoplastik tidak berbau atau berwarna, tetapi bahan kimia berkenaan akan meresap dalam tubuh manusia sehingga memberi kesan buruk kepada tahap kesihatan.

Ancaman senyap daripada pencemaran plastik ini pastinya membimbangkan kita, sementara ia begitu memberi kesan ne-

Pencemaran plastik ke atas ekosistem marin bukan sahaja memberi kesan buruk kepada biodiversiti marin, sebaliknya turut memberi kesan kepada kesihatan manusia sebagai pemangsa tunggal kepada sumber makanan laut.

Penebusgunaan ekosistem hutan untuk pelbagai tujuan seperti pembangunan, pertanian dan sektor perladangan, sehingga menghakis sedikit demi sedikit habitat dan ekosistem semula jadi.

gatif kepada kelangsungan biodiversiti dalam ekosistem yang seterusnya turut menggugat tahap kesihatan manusia.

Justeru, sudah tiba masanya untuk kita merenung kembali fitrah penciptaan alam, yakni sebagai tanda kebesaran dan kebijaksanaan Allah SWT.

Alam secara fitrahnya diciptakan dengan begitu seimbang dan sempurna agar manusia berfikir, merenung keagungan Allah SWT dan memanfaatkan sumber alam dengan penuh kebijaksanaan agar tidak mencabuli keseimbangan-Nya.

Hal ini telah dinukilkan dengan jelas di dalam firman Allah SWT yang bermaksud: "Dan langit telah ditinggikan-Nya dan Dia ciptakan keseimbangan agar kamu jangan merosakkan keseimbangan itu. Dan tegakkanlah keseimbangan itu dengan adil dan janganlah kamu mengurangi keseimbangan itu" (surah Ar-Rahman, ayat 7 hingga 9).

Ayat di atas secara jelas memberi peringatan agar kita sentiasa menjaga keseimbangan alam. Oleh yang demikian, usaha memelihara dan memulihara kelangsungan alam sekitar dan sumber biodiversiti adalah penting dititikberatkan untuk menjaga keseimbangannya seperti dianjurkan di dalam al-Quran.

Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang menciptakan manusia selaku khalifah di atas muka bumi yang ditugaskan untuk memakmurkan bumi sebagaimana firman-Nya yang bermaksud: "Dialah yang menjadikan kamu daripada bahan-bahan bumi dan menghendaki kamu untuk memakmurkannya" (surah Hud: 61).